



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	23/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPNK			

Pembalakan diterus elak tindakan mahkamah

BH, 23 Sept
2021_20

Alor Setar: Kerja pembalakan di kawasan seluas 75,000 hektar yang diluluskan kerajaan negeri sebelum ini akan diteruskan bagi mengelak implikasi undang-undang.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor, berkata keputusan meneruskan aktiviti pembalakan, termasuk 25,000 hektar di Ulu Muda di sini, tertakluk kepada beberapa syarat antaranya pembukaan pembalakan tahunan berdasarkan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan.

“Dengan catuan tebangan 4,200 hektar setahun, tempoh diperlukan untuk menebang semua pokok yang diluluskan membabitkan 75,000 hektar hanya akan habis 18 tahun lagi,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Beliau menjawab soalan lisan Datuk Seri Mukhriz Mahathir (PEJUANG-Jitra) mengenai rasional kerajaan negeri meneruskan aktiviti pembalakan di Ulu Muda.